

609 graduan UMSKAL sertai perarakan berjubah

NST 17-11-2014 6

LABUAN: Seramai 609 graduan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menyertai Perarakan Berjubah sempena Konvokesyen UMS kali ke 16 yang akan diadakan pada 22 November ini di kampus induk UMS Kota Kinabalu.

Mereka yang terlibat menyertai perarakan sejauh hampir 0.5 km dari Menara Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan itu membabitkan 534 pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa dan 75 pelajar Fakulti Komputeran Informatik yang telah berjaya menamatkan pengajian di UMSKAL.

Turut serta dalam perarakan yang diketuai oleh Naib Cancellor UMS, Profesor Datuk Dr Harun Abdullah itu ialah Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli ahli Senat dan pensyarah.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nazri Osman yang menjadi tetamu kehormat majlis itu turut menyaksikan acara tersebut termasuk menerima skrol dan menyerahkan kunci sebagai

tanda simbolik penerimaan graduan kepada komuniti setempat.

Dr Harun ketika berucap pada majlis itu berkata, tujuan utama perarakan berjubah yang membabitkan para graduan UMSKAL adalah sebagai simbolik kewujudan kampus itu di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, sejak beroperasi pada Mei 1999, UMSKAL telah melahirkan ramai bijak pandai yang kini kembali menabur bakti di seluruh negara termasuk di Labuan.

“Saya yakin kehadiran mereka di jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan NGO akan turut membantu meningkatkan prestasi dan imej korporat masing-masing” katanya.

Katanya, beliau bagi pihak UMS amat mengalu-alukan kerjasama dan sokongan padu Perbadanan Labuan serta jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan NGO dalam menjayakan Majlis Perarakan Berjubah Graduan yang diadakan pada setiap tahun. - OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin@newsabahtimes.com.my)



MESRA ... Dr Harun yang mengetuai perarakan itu bersalaman dengan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan yang menunggu ketibaan mereka di



SERAH ... Dr Harun menyerahkan Skrol kepada Mohd Nazri sebagai tanda simbolik penerimaan graduan UMSKAL kepada komuniti setempat.



SERTAII ... Ahli Senat dan pensyarah UMSKAL yang menyertai perarakan berjubah Graduan UMSKAL 2014.